

# Kembara Algeria menyingkap sejarah nurani dan warisan Islam

Dari kota lama Kasbah hingga gurun Bousaada sejarah tidak pernah padam

Oleh Dr Mohamed Rashid Ab Razak  
bhrencana@bh.com.my

**Algeria**, negara indah terletak di pesisiran barat daya Laut Mediterranean menyimpan seribu satu kisah. Dari tamadun silam hingga perjuangan kemerdekaan yang berdarah, ia kini berdiri sebagai negara Afrika Utara yang kaya dengan warisan Islam.

Di sinilah penulis bersama sekumpulan pensyarah dan penyelidik dari Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) diberi kesempatan menyusuri bukan hanya landskap fizikalnya, tetapi juga warisan intelektual dan spiritual yang mendalam.

Lawatan akademik ini membawa kami ke Seminar Waqf Antarabangsa, namun hakikatnya ia jauh melangkaui sekadar seminar. Ia adalah sebuah ekspedisi ilmu dan jiwa, merentas sejarah, budaya, serta nilai perjuangan yang tertanam dalam setiap sudut bumi Algeria. Dari pesisir Laut Mediterranean hingga ke ambang Sahara, setiap hentian memberikan makna.

Perjalanan kami bermula di Algiers, ibu negara yang dikenali sebagai La Blanche, merujuk kepada bangunan-bangunan putih yang tersusun indah di tepi laut. Di sini terletaknya Kota Kasbah, sebuah kawasan bersejarah yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Dibina pada abad ke-17 di atas runtuhan kota Rom kuno Icosium. Kasbah menyimpan banyak cerita yang membentuk sejarah Algeria.

Salah satu peristiwa paling ikonik yang berlaku di Kasbah ialah Hadithah al-Mirwah, atau Peristiwa Kipas pada tahun 1827. Dey Hussein, pemerintah Algeria ketika itu, mengibarkan kipas tangan ke arah Konsul Perancis, Pierre Deval, semasa perbincangan tegang mengenai hutang gandum era Napoleon. Tindakan simbolik itu dijadikan

alasan oleh Perancis untuk melancarkan sekatan laut dan seterusnya penjajahan pada tahun 1830. Dari satu hayunan kipas, bermulalah era kolonial selama 132 tahun yang mengubah wajah negara ini.

#### Simbol ketabahan

Tidak jauh dari Kasbah, Monumen Martir (Maqam Echahid) berdiri megah sebagai penghomatan kepada lebih sejuta rakyat Algeria yang gugur dalam perjuangan kemerdekaan antara 1954 hingga 1962. Monumen berbentuk tiga kelopak bunga ini bukan sahaja mercu tanda kebangsaan, tetapi juga simbol ketabahan rakyat yang tidak pernah menyerah.

Kami turut melawat Jardin d'Essai du Hamma, taman botani berusia hampir dua abad yang dibuka pada 1832. Pada kadar keluasan melebihi 50 hektar, taman ini menempatkan ribuan spesies tumbuhan dari seluruh dunia dan pernah menjadi lokasi penggambaran filem Tarzan pada tahun 1932.

Dari Algiers, kami menuju ke Tipasa, sebuah bandar tepi laut yang menempatkan tinggalan arkeologi Rom seperti basilika, teater, dan villa berusia hampir dua ribu tahun. Kawasan ini menjadi bukti jelas bahawa Algeria pernah menjadi pusat perdagangan penting pada zaman silam.

Keindahannya pernah mengilhamkan Albert Camus, sasterawan pemenang Hadiah Nobel Kesusastraan, yang menggambarkan tempat ini sebagai lokasi laut dan runtuh "berbicara dalam bahasa yang sama".

Perjalanan kami diteruskan ke Bousaada yang digelar City of Happiness dan menjadi pintu masuk ke padang pasir Sahara. Dahulu menjadi hentian utama kafilah unta yang membawa emas dan rempah, kini ia terkenal dengan nilai seninya. Pelukis



Lorong-lorong sempit dan seni bina tradisional Ottoman di Kota Kasbah yang sifat dengannya cerita sejarah.

Monumen Syuhada (Maqam Echahid), mercu tanda kebanggaan rakyat Algeria.

Jardin d'Essai du Hamma

Suasana damai di Jardin d'Essai du Hamma yang memukau pengunjung dengan landskap hijau dan sejarah panjangnya.

Perancis, Etienne Dinet yang menerap di sini bahkan memeluk Islam pada awal abad ke-20. Karyanya kekal dipamerkan di muzium tempatan, menjadi saksi pertembungan seni antara dunia Barat dan Islam.

Kemasukan kami ke Algeria disempurnakan dengan penyertaan dalam Seminar Waqf Antarabangsa, yang menghimpunkan pakar pelbagai negara. Seminar ini membuka ruang untuk berkongsi amalan terbaik serta memperkuuh jaringan penyelidikan dalam bidang wakaf.

#### Tradisi pengurusan wakaf

Sejarah menunjukkan bahawa institusi 'Habous' (istilah wakaf di Algeria) sudah lama memainkan peranan penting sejak zaman pemerintahan Uthmaniyah. Hasil wakaf digunakan untuk membantu masjid, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Walaupun kurang disebut dalam diskusi global, Algeria sebenarnya memiliki tradisi pengurusan wakaf yang mengagumkan.

Sepanjang pengembaraan, jelas terasa bahawa Algeria adalah tanah yang tidak pernah memadam sejarahnya. Dari kota lama Kasbah hingga gurun Bousaada, setiap jejak menyimpan kisah tentang kekuatan, ketahanan dan kecintaan kepada tanah air.

Bagi penulis, pengalaman ini bukan sahaja memperkaya minda, malah menyentuh nurani. Algeria mengajar bahawa sebuah bangsa tidak akan musnah selagi warisan dijaga dan nilai tradisi dimanfaatkan untuk membina masa depan.

